



TEKS UCAPAN ALUAN

**Y.BRS. ENCIK AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG**

**SEMPENA
MAJLIS PENTAULIAHAN AMIL ZAKAT FITRAH
TAHUN 2022**

THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA

29 MAC 2022 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُوبِهِمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴾

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah At-Taubah ayat 60)

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya dapat kita bersama di Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas kehadiran YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Pengerusi Zakat Pulau Pinang yang telah melapangkan masa hadir dan seterusnya

menyempurnakan Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah pada hari ini.

3. Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah pada hari ini merupakan salah satu program terpenting Zakat Pulau Pinang yang diadakan setiap tahun sejak ditubuhkan.
4. Alhamdulillah dengan keizinan Allah SWT, Zakat Pulau Pinang dapat mengadakan Majlis Taklimat dan Pentauliahan Amil Zakat Fitrah sebagaimana yang dirancang pada hari ini.

Dato'-Dato' dan Tuan-Tuan Hadirin yang dihormati,

5. Izinkan saya berkongsi sedikit maklumat mengenai prestasi Zakat Pulau Pinang sepanjang tahun 2021 yang lalu. Sebagai makluman, jumlah kutipan zakat

yang berjaya dikumpulkan sepanjang tahun sudah oleh ZPP adalah sebanyak **RM147.2 juta** iaitu peningkatan sebanyak kira-kira **12.5%** berbanding tahun sebelumnya 2020 iaitu sebanyak **RM130.8 juta**. Kutipan ini disumbangkan oleh seramai **74,183 muzakki** berbanding **70,677 muzakki**.

1. Manakala bagi agihan pula, ZPP berjaya mengagihkan dana zakat sebanyak **RM141.5 juta** berbanding sebanyak **RM126.6 juta** iaitu peningkatan sebanyak **11.8%**.
6. Peningkatan ini juga merangkumi prestasi kutipan Zakat Fitrah yang meningkat sebanyak **9.4%** dan jumlah pembayar juga meningkat sebanyak **2.44%** berbanding tahun 2020.

7. Peningkatan kutipan dan agihan zakat khususnya kutipan zakat fitrah di Pulau Pinang pada tahun 2021 memberi naratif yang jelas bertambahnya kepercayaan masyarakat Islam di Pulau Pinang terhadap ZPP dan diharap momentum ini berterusan bagi membolehkan ZPP mencapai sasaran kutipan zakat tahun 2022 sebanyak **RM161.5 juta**, dan khususnya bagi sasaran kutipan zakat fitrah iaitu **RM6.5 juta** Inshaa Allah. Mohon doa semua.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Berdasarkan prestasi yang berjaya dicapai ini, Zakat Pulau Pinang ingin berkongsi kejayaan ini dengan memberikan pengiktirafan kepada pusat kutipan Zakat Fitrah yang menunjukkan prestasi yang

cemerlang dari segi kutipan zakat fitrah pada tahun 2021.

9. Sebanyak **18** buah pusat kutipan Zakat Fitrah yang merangkumi **1** daerah untuk **3** kategori akan menerima **Anugerah Pengurusan Zakat Fitrah Terbaik tahun 2021**. Setiap kategori anugerah ini akan menerima RM400.00 dan ianya akan diumumkan dan disampaikan oleh YB Dato' Ir. Timbalan Ketua Menteri 1 sebentar lagi.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

10. Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang melantik seramai **1,709** orang Amil Zakat Fitrah yang melibatkan **234** pusat kutipan bagi memungut Zakat Fitrah di seluruh negeri Pulau Pinang.

11. Bagi menguruskan kutipan Zakat Fitrah dengan sempurna pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang akan membuat pembayaran pendahuluan Amil yang melibatkan **RM582,762.00**. Jumlah ini telah meningkat sebanyak **RM63,994.00** berbanding tahun 2021.

12. Kadar ini adalah daripada jumlah upah yang diterima oleh Amil pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2021 yang melibatkan semua kariah dan pusat-pusat pungutan Zakat Fitrah yang dilantik.

13. Justeru, dengan pengalaman kebanyakan para Amil yang menguruskan kutipan Zakat Fitrah pada tahun 2021, ianya boleh menjadi panduan yang berguna dalam memastikan pembayaran Zakat Fitrah oleh masyarakat Muslim di Pulau Pinang diuruskan

dengan lebih sempurna lagi dan prestasi kutipan Zakat Fitrah dapat dipertingkatkan dari segi jumlah pembayar dan kutipan, insha Allah.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan Sekalian,

14. Apabila zakat difardhukan pada zaman awal Islam, umat melihat ibadah zakat adalah sebagai suatu urusan peribadi dan satu bentuk pengabdian kepada Allah yang sama seperti ibadah solat, puasa, haji dan lain-lain. Zakat hanya menjadi urusan negara pada tahun-tahun akhir era pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah.

15. Bermula dengan pelantikan pengutip-pengutip zakat oleh Rasulullah untuk di hantar ke seluruh pelusuk

semenanjung Tanah Arab dan penghantaran pengutip zakat ke atas kabilah-kabilah terpilih.

16. Menurut rekod terawal mencatatkan amil yang mula-mula dilantik dan diutus ialah *A'la al Hadrami*. Beliau dihantar ke Yaman dan Bahrayn sekitar tahun 6 hingga 8 hijrah.

17. Seinggalah tahun ke-9 Hijrah, sejumlah 31 kabilah atau tempat di Semenanjung Arab telah dihantar amil-amil zakat yang dilantik sendiri oleh Rasulullah SAW.

18. Sejarah yang terakam ini menjadi bukti betapa seriusnya Rasulullah SAW membangunkan institusi amil. Pengutusan pengutip zakat meliputi hampir seluruh Semenanjung Tanah Arab dan menemui

hampir kesemua kabilah yang dominan pada ketika itu.

19. Keprihatinan Rasulullah SAW terhadap pelantikan amil dan pengiktirafan Baginda terhadap mereka sangat tinggi kerana menjadi amil memerlukan integriti yang tinggi iaitu tanggungjawab dan amanah.

20. Tanggungjawab dan amanah ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia menuntut komitmen dan kesungguhan daripada Amil dalam memastikan kutipan Zakat Fitrah dan seruan dakwah zakat dilaksanakan dengan sempurna.

21. Secara keseluruhannya, saya berasa amat bertuah dan gembira dengan komitmen dan kesungguhan

para Amil Zakat Fitrah yang dilantik pada tahun 2021, yang berjaya memungut zakat fitrah pada waktu-waktu yang sangat mencabar terutama ketika seluruh negara masih dilanda dengan pandemik COVID-19. **Terima kasih saya ucapkan!**

22. Semoga pada tahun ini, para Amil yang dilantik dapat meneruskan kecemerlangan melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini dengan lebih baik dan jayanya.

Para hadirin sekalian.

23. Akhir sekali, saya menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Lembaga Amil Zakat Fitrah Kariah yang sentiasa menyokong Zakat Pulau Pinang selama ini. Saya juga berharap komunikasi

di antara masjid-masjid Kariah dengan Zakat Pulau Pinang terutama dalam hal berkaitan bantuan zakat dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Sekiranya ada kemusykilan mengenai beberapa isu yang melibatkan urustadbir Zakat Pulau Pinang, boleh dapatkan penjelasan daripada pihak kami dan bukan membuat andaian negatif secara terbuka sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan jemaah masjid. Saya orang yang sangat optimis, masjid-masjid dan ZPP perlu saling menyokong dan mendokong demi membela hak asnaf di kariah masing-masing. Dengan kata lain, kalau bukan kita orang Islam di Pulau Pinang sendiri yang menyokong institusi Islam atau agensi-agensi Islam di negeri ini, siapa lagi yang boleh kita harapkan.

24. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan sekali lagi kepada YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman yang sudi menyempurnakan majlis pada hari ini. Begitu juga ucapan terima kasih dengan kehadiran dif-dif kehormat dan para Amil Zakat Fitrah yang dilantik bagi memeriahkan majlis ini.

24. Ucapan penghargaan dan tahniah kepada pihak sekretariat Majlis Pengtauliahahan Amil Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang tahun 2022 yang diketuai oleh Bahagian Fitrah dan Kafalah Zakat Pulau Pinang yang telah bertungkus lumus memastikan majlis pada hari ini berjalan lancar. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas usaha tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

25. Di kesempatan ini juga, Saya berdoa semoga kita semua akan dizinkan oleh Allah SWT untuk bertemu Ramadhan tahun ini kurang lebih beberapa hari sahaja lagi dan mengucapkan selamat berpuasa. Semoga kita semua diberikan kekuatan untuk mempertingkatkan amalan dan memperkuat iman bagi menghadapi ujian dan dugaan sepanjang bulan Ramadan yang kita sama-sama rindukan.

26. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatulahi wabaratu.